

M/S	TAJUK BERITA	TARIKH	SUMBER
2-4	PELUANG BIDANG TVET TERBUKA LUAS UNTUK PELAJAR LEPASAN SPM	6 FEBRUARI 2025	BERNAMA ONLINE
5-7	TIGA BERSAUDARA WARISI ILMU, KEMAHIRAN TVET ASUHAN POLITEKNIK	9 FEBRUARI 2025	BERNAMA ONLINE
8-10	PROGRAM JOM MASUK U 2025 BERMULA 22 FEB	12 FEBRUARI 2025	BERNAMA ONLINE
11-13	IPT PERLU AMAL KONSEP KONGSI ILMU, KEPAKARAN	13 FEBRUARI 2025	BERNAMA ONLINE
14-16	KADAR KEBOLEHPASARAN GRADUAN TVET CECAH 94.5 PERATUS	19 FEBRUARI 2025	BERNAMA ONLINE
17-19	ISU TVET, PROJEK TEMBATAN BANJIR DAN PERIHAL KEWANGAN KWSP TUMPUAN DEWAN RAKYAT HARI INI	20 FEBRUARI 2025	BERNAMA ONLINE
20-22	TVET PERTANIAN TIDAK DIPINGGIR, KERAJAAN JAMIN TINGKAT USAHA PEMERKASAAN	20 FEBRUARI 2025	BERNAMA ONLINE
23-25	POLITEKNIK PORT DICKSON DAN TUDM KERJASAMA PERKUKUH TVET DA- LAM PENYELIDIKAN DAN INOVASI	25 FEBRUARI 2025	BERNAMA ONLINE
26-28	JANGAN PINGGIR PELAJAR DI MAAHAD TAHFIZ TIDAK BERDAFTAR, TARIK MINAT CEBURI TVET	27 FEBRUARI 2025	BERNAMA ONLINE

BERNAMA

6 FEBRUARI 2025

BERNAMA ONLINE | PELUANG BIDANG TVET TERBUKA LUAS UNTUK PELAJAR LEPASAN SPM

Peluang Bidang TVET Terbuka Luas Untuk Pelajar Lepas SPM – Ahmad Zahid

🕒 06/02/2025 07:18 PM



KUALA LUMPUR, 6 Feb (Bernama) -- Pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) mempunyai peluang luas untuk meneroka bidang Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) yang sejajar dengan minat serta kecenderungan masing-masing.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi berkata di Malaysia, terdapat 1,398 institusi TVET merangkumi 673 institusi TVET awam, 697 swasta dan 28 di bawah kerajaan negeri, dengan ekosistem yang dinamik serta luas itu menawarkan pelbagai bidang kemahiran yang relevan dengan keperluan industri dan pasaran kerja semasa.

Ahmad Zahid yang juga Pengerusi Majlis TVET Negara berkata sebanyak 402,956 calon berdaftar telah menamatkan peperiksaan SPM hari ini.

"Saya mengucapkan tahniah kepada semua pelajar atas usaha dan kesungguhan mereka sepanjang tempoh peperiksaan. Namun, tamatnya SPM bukanlah penamat, ia permulaan kepada satu fasa baharu dalam kehidupan.

"Kini, tibalah masanya untuk pelajar menentukan hala tuju masa depan, sama ada dalam pendidikan tinggi atau bidang kerjaya," katanya dalam kenyataan hari ini.

Ahmad Zahid yang juga Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah berkata peluang menyambung pengajian dalam TVET terbuka sepanjang tahun dengan pelbagai pilihan fleksibel melalui sistem UP_TVET.

Beliau berkata UP_TVET Flexi, yang dibuka sejak Januari lepas membolehkan individu mengikuti latihan kemahiran secara modular dan anjal mengikut kesesuaian jadual masing-masing manakala UP_TVET Perdana bagi Kursus Sepenuh Masa Ambilan Julai 2025 pula, permohonan akan dibuka pada April ini.

Pada masa sama, beliau berkata Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) sebagai peneraju utama dalam pembangunan tenaga mahir luar bandar turut menyediakan pelbagai program TVET yang menepati keperluan industri negara.

Beliau berkata sebanyak 280 institusi di bawah KKDW menawarkan 529 program daripada peringkat Sijil Kemahiran hingga Ijazah Kedoktoran, meliputi 15 kluster bidang kritikal untuk pasaran kerja semasa.

Timbalan Perdana Menteri berkata ia termasuk Majlis Amanah Rakyat (MARA), Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS), Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA), Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA), Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (KEDA), Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA) dan Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (KETENGAH).

“Kerangka Sistem Pendidikan TVET KKDW telah melahirkan ramai tenaga mahir, profesional, teknologis dan usahawan yang berjaya. Kadar kebolehpasaran graduan TVET KKDW mencapai 98 peratus pada 2024, membuktikan bahawa TVET bukan sahaja menyediakan peluang pekerjaan yang luas, tetapi juga mampu membentuk masa depan yang lebih cerah.

“Kerajaan komited dalam memastikan akses pendidikan dan latihan kemahiran berkualiti kepada semua lapisan masyarakat. Oleh itu, saya menyeru pelajar dan ibu bapa agar merebut peluang ini untuk membina kerjaya yang mampan dan berdaya saing,” katanya.

BERNAMA

9 FEBRUARI 2025

BERNAMA ONLINE | TIGA BERSAUDARA WARISI ILMU, KEMAHIRAN TVET ASUHAN POLITEKNIK

Tiga Bersaudara Warisi Ilmu, Kemahiran TVET Asuhan Politeknik

🕒 09/02/2025 05:07 PM



IPOH, 9 Feb (Bernama) -- Tiga bersaudara termasuk dua beradik berjaya menamatkan pengajian bagi mendapatkan Diploma Pengurusan Peruncitan pada Istiadat Konvokesyen Politeknik Sultan Azlan Shah (PSAS) ke-21 yang berlangsung hari ini.

PSAS dalam kenyataan memaklumkan graduan itu ialah Muhammad Ali Haiqal Mohd Zairi, 24, dan adik perempuannya, Salsabilla, 22, serta sepupu mereka Nor Ain Solehah Mohd Sabri, 22.

Ibu kepada Muhammad Ali Haiqal dan Salsabilla, Zulaikha Kamarudin, 46, yang juga pensyarah bahasa Inggeris di PSAS berkata melihat kedua-dua anak serta anak saudaranya itu berjaya menamatkan pengajian menjadi simbol usaha dan pengorbanan mereka untuk membina kehidupan yang lebih baik.

"Kepercayaan terhadap pendidikan politeknik bukanlah sesuatu yang baharu dalam keluarga ini. Ia telah lama berakar dalam generasi, sekali gus menjadikan mereka sebuah keluarga TVET (Program Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional) sejati.

"Kami sekeluarga percaya dengan sistem politeknik kerana ia lebih berorientasikan kemahiran dan memberi laluan mudah ke dunia pekerjaan. Malah dengan kos yang lebih rendah berbanding universiti lain, politeknik adalah pilihan terbaik untuk kebanyakan keluarga," katanya yang telah berkhidmat lebih dua dekad di PSAS.

PSAS memaklumkan Muhammad Alief Haiqal dan Salsabilla kini telah melangkah ke dunia pekerjaan dalam bidang peruncitan di sebuah syarikat peruncitan terkemuka negara iaitu MR DIY di Tanjong Malim.

Kenyataan itu memaklumkan Muhammad Alief Haiqal membuktikan keupayaannya apabila projek inovasi yang dihasilkan bersama rakan sepasukan semasa belajar di PSAS berjaya meraih tempat kedua pada pertandingan inovasi peringkat jabatan.

Salsabilla pula bukan sahaja menyerlah dalam akademik tetapi juga bidang sukan apabila beliau pernah mewakili politeknik di peringkat kebangsaan dan mencatat beberapa kejayaan cemerlang antaranya juara kategori beregu pada kejohanan boling Sukan Perak serta tempat ketiga pada kejohanan Majlis Sukan Politeknik.

Nor Ain Solehah juga tidak ketinggalan dalam mencipta kejayaan tersendiri apabila pernah menerima Pingat Ketua Jabatan iaitu anugerah berprestij yang diberikan kepada pelajar cemerlang berdasarkan pencapaian akademik, kepimpinan dan sumbangan kepada institusi.

“Kami bukan sekadar belajar teori, tetapi juga diberi peluang mengasah kemahiran di lapangan sebenar. Sebelum tamat belajar pun, peluang pekerjaan sudah tersedia,” kata Muhammad Alief Haiqal yang menganggap pendidikan politeknik sebagai landasan terbaik untuknya.

-- BERNAMA

BERNAMA

12 FEBRUARI 2025

BERNAMA ONLINE | PROGRAM JOM MASUK U 2025 BERMULA 22 FEB

Program Jom Masuk U 2025 Bermula 22 Feb – KPT

🕒 12/02/2025 04:01 PM



PUTRAJAYA, 12 Feb (Bernama) -- Program jerayawara pendidikan tinggi negara iaitu Jom Masuk U 2025 (JMU 2025) bakal memulakan siri jelajah ke 10 zon di seluruh negara bermula pada 22 Feb hingga 18 Mei depan, menurut Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT).

Menerusi satu kenyataan, KPT memaklumkan JMU 2025 adalah inisiatif kementerian bagi memberi pendedahan kepada pelajar berkenaan maklumat kemasukan ke Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) selain menggalakkan pelajar untuk menyambung pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi.

Penganjuran JMU 2025 bertujuan untuk mempromosi maklumat mengenai program pendidikan yang ditawarkan IPT di bawah kementerian merangkumi Universiti Awam (UA), Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS), Politeknik, Kolej Komuniti (KK) serta penglibatan MARA Bahagian Pendidikan Tinggi (MARA BPT).

"JMU 2025 menyasarkan kumpulan pelajar yang menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM), Matrikulasi, Asasi, Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) dan diploma atau setarafnya," menurut kenyataan itu.

KPT memaklumkan semasa JMU 2025, calon-calon lepasan SPM, STPM dan setaraf boleh membuat permohonan UPUOnline® Fasa Pertama yang akan dibuka bermula 10 Feb hingga 14 Mac depan pada 5 petang.

Permohonan Fasa kedua adalah bermula 14 April hingga 18 Mei depan.

“Pelbagai aktiviti menarik turut ditawarkan sepanjang JMU 2025 berlangsung antaranya pameran, sesi konsultasi UPUOnline®, konsultasi penajaan, biasiswa, pinjaman dan bantuan kewangan pendidikan tinggi,” menurut kenyataan itu.

KPT menjemput semua pihak khususnya pelajar, ibu bapa, penjaga, guru, kaunselor dan orang awam agar turut serta dalam JMU 2025.

-- BERNAMA

BERNAMA

13 FEBRUARI 2025

BERNAMA ONLINE | IPT PERLU AMAL KONSEP KONGSI ILMU, KEPAKARAN

IPT Perlu Amal Konsep Kongsi Ilmu, Kepakaran – Zambry

🕒 13/02/2025 10:46 PM



Menteri Pendidikan Tinggi Datuk Seri Dr Zambry Abdul Kadir ketika berucap pada Malam Anugerah Malaysia's Research Star Award (MRSA) hari ini.

PUTRAJAYA, 13 Feb (Bernama) -- Institusi pendidikan tinggi (IPT) negara ini perlu mengamalkan konsep perkongsian ilmu serta kepakaran bagi menghasilkan sesuatu yang lebih hebat, kata Menteri Pendidikan Tinggi Datuk Seri Dr Zambry Abd Kadir.

Berucap pada majlis Malaysia's Research Star Award (MRSA) 2025 di sebuah hotel di sini malam ini, beliau berkata amalan tersebut bukan hanya mendatangkan manfaat kepada IPT itu sendiri tetapi turut memberi kesan positif kepada negara.

"Konsep ini sangat mustahak sebab kita sering kali uar-uarkan kepada dunia tentang kepentingannya.

"Jadi, jangan terlalu tertutup dari segi pendekatan bersama ini, jangan masing-masing nak menjaga universiti dan merasakan universitinya lebih baik daripada universiti lain," katanya.

Beliau berkata warga akademik di IPT perlu saling memberikan sokongan dalam usaha membangunkan penyelidikan dan pembangunan (R&D) agar hasilnya dapat dikongsi kepada masyarakat.

Zambry turut menyeru warga IPT agar menghentikan budaya atau amalan yang boleh menimbulkan persepsi negatif masyarakat terhadap institusi pendidikan negara sehingga mencemarkan nama baik IPT masing-masing.

"Kita kena keluarkan diri kita daripada budaya-budaya yang tidak baik di universiti, jangan berantakan sesama sendiri kerana ia akan mematikan tradisi akademik universiti," katanya.

Mengenai penerbitan bahan ilmiah, beliau berkata penerbitan bahan itu dapat membantu meningkatkan reputasi dan kualiti IPT tempatan.

“Saya ucapkan tahniah kepada semua penerima anugerah MRSA 2025. Semoga kejayaan ini membawa inspirasi ke arah pencapaian yang lebih gemilang,” katanya.

MRSA yang diperkenalkan pada 2012 menyaksikan penyampaian 26 anugerah daripada empat kategori iaitu *Frontier Researcher*, *Outstanding Research in Phytochemicals*, *Researcher Cluster* dan *Journal*.

Universiti Putra Malaysia mengungguli kategori *Frontier Researcher* dan *Outstanding Research in Phytochemicals*.

-- BERNAMA

BERNAMA

19 FEBRUARI 2025

BERNAMA ONLINE | KADAR KEBOLEHPASARAN GRADUAN TVET CECAH 94.5 PERATUS

Kadar Kebolehpasaran Graduan TVET Cecah 94.5 Peratus – Ahmad Zahid

🕒 19/02/2025 03:12 PM



KUALA LUMPUR, 19 Feb (Bernama) -- Kadar kebolehpasaran graduan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) secara purata kini mencecah 94.5 peratus sekali gus membuktikan keperluan tenaga mahir terus meningkat, kata Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi.

Ahmad Zahid yang juga Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah berkata pada masa sama, kebolehpasaran graduan daripada institusi TVET di bawah Majlis Amanah Rakyat (MARA) pula pada kadar 98.7 peratus.

Beliau berkata jumlah pelajar menyertai bidang TVET pada tahun lepas juga meningkat kepada lebih 423,000 peserta berbanding 407,000 pada 2023.

"Menerusi segala langkah pemantapan TVET yang dilaksanakan Majlis TVET Negara (MTVETN), sikap serta pemikiran (sentimen) ibu bapa serta pelajar sudah bertukar dan semakin mempercayai bidang TVET.

"Kerajaan komited dan menekankan pemodenan terutama dalam pendigitalisasi TVET dengan meningkatkan infrastruktur digital, teknologi pembelajaran menggunakan kecerdasan buatan (AI) dan Internet pelbagai benda (IOT) serta program lain termasuk memperluas latihan profesional kepada tenaga pengajar," katanya.

Beliau berkata demikian pada sesi penggulungan perbahasan usul Menjunjung Kasih Titah Diraja bagi Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah di Dewan Rakyat hari ini.

Ahmad Zahid yang juga Pengerusi MTVETN berkata berpandukan Dasar TVET Negara 2030, kerajaan melaksanakan usaha pemantapan institusi dan kurikulum berasaskan keperluan industri, meningkatkan kemahiran tenaga pengajar, penglibatan industri bagi pelaksanaan latihan dan pemodenan alat bantuan mengajar bagi memastikan graduan TVET kekal kompetitif dalam pasaran kerja.

Selaras usaha itu, katanya Kod Amalan Akreditasi Program TVET (COPTPA) diwujudkan sebagai garis panduan bagi memastikan kursus TVET yang ditawarkan menepati piawaian dan keperluan industri.

Mengenai FELDA, Ahmad Zahid berkata sejak Oktober 2023, agensi itu menaikkan kadar pendapatan minimum peneroka daripada RM120 kepada RM150 per ekar bagi membantu menampung peningkatan kos sara hidup.

Beliau berkata pendapatan berkenaan adalah kadar bersih selepas ditolak kos operasi, hutang dan caruman.

Selain itu, katanya kerajaan sedang mengusahakan program perumahan generasi baharu FELDA dengan mendapatkan peruntukan khas bagi membolehkan lebih ramai generasi peneroka memiliki kediaman sendiri.

-- BERNAMA

BERNAMA

20 FEBRUARI 2025

BERNAMA ONLINE | ISU TVET, PROJEK TEMBATAN BANJIR DAN PERIHAL KEWANGAN KWSP TUMPUAN DEWAN RAKYAT HARI INI

Isu TVET, Projek Tembatan Banjir Dan Perihal Kewangan KWSP Tumpuan Dewan Rakyat Hari Ini

🕒 20/02/2025 08:56 AM



KUALA LUMPUR, 20 Feb (Bernama) -- Langkah kerajaan untuk menarik minat golongan muda terhadap Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET), projek tebatan banjir dan isu berkaitan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), menjadi antara tumpuan perbincangan persidangan Dewan Rakyat, hari ini.

Menurut Aturan Urusan Mesyuarat di laman sesawang Parlimen, pada sesi Waktu Pertanyaan-Pertanyaan Menteri, Lee Chuan How (PH-Ipoh Timor) minta Perdana Menteri menyatakan inisiatif kerajaan dalam memperkasakan golongan muda yang berminat dalam pembelajaran berasaskan kemahiran melalui program TVET.

Beliau juga ingin tahu bagaimana program TVET dapat menarik lebih ramai pelajar dan meluaskan akses kepada latihan kemahiran bagi memenuhi keperluan industri serta melahirkan tenaga kerja mahir yang kompetitif.

Dalam sesi sama, Datuk Dr Alias Razak (PN-Kuala Nerus) mengajukan persoalan kepada Menteri Peralihan Tenaga Dan Transformasi Air, mengenai perincian tindakan kementerian berhubung gesaan Perdana Menteri supaya projek tebatan banjir disegerakan dan kos terkini yang perlu ditanggung kerajaan memandangkan proses kelulusan projek pernah dibatalkan pada akhir tahun 2022.

Chong Zheminn (PH-Kampar) pula meminta Menteri Kewangan menyatakan jumlah keuntungan atau kerugian yang dialami KWSP dalam transaksi pembelian dan penjualan saham Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB), serta soal keuntungan atau kerugian yang dilaporkan dalam penyata kewangan KWSP.

Sementara itu, pada sesi Soal Jawab Lisan pula, Datuk Mas Ermieyati Samsudin (PN-Masjid Tanah) minta Menteri Dalam Negeri menyatakan langkah pemantauan serta tindakan penguatkuasaan terhadap sindiket pemalsuan kad pengenalan yang dilaporkan menawarkan MyKad khususnya kepada warga asing pada harga RM4,400 menerusi promosi di platform media sosial.

Turut dijangka menjadi perhatian, soalan Datuk Mohd Suhaimi Abdullah (PN-Langkawi) kepada Menteri Pengangkutan berhubung jumlah kedai tayar dan bengkel yang dikenakan tindakan kerana menyewakan tayar kepada lori sebagai helah semasa pemeriksaan di PUSPAKOM.

Usai sesi itu, persidangan Dewan Rakyat diteruskan dengan sesi penggulungan perbahasan usul Menjunjung Kasih Titah Diraja oleh menteri daripada setiap kementerian berkaitan.

Persidangan Dewan Rakyat kali ini berlangsung selama 18 hari hingga 6 Mac.

-- BERNAMA

BERNAMA

20 FEBRUARI 2025

BERNAMA ONLINE | TVET PERTANIAN TIDAK DIPINGGIR, KERAJAAN JAMIN TINGKAT USAHA PEMERKASAAN

TVET Pertanian Tidak Dipinggir, Kerajaan Jamin Tingkat Usaha Pemerkasaan – Ahmad Zahid

🕒 20/02/2025 11:59 AM



Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Zahid Hamidi

KUALA LUMPUR, 20 Feb (Bernama) -- Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) pertanian tidak pernah dipinggirkan, sebaliknya kerajaan memberi jaminan TVET bagi bidang itu akan terus diperkasakan, kata Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi.

Ahmad Zahid yang juga Pengerusi Majlis TVET Negara (MTVETN) berkata kadar kebolehpasaran graduan TVET secara purata nasional kini mencecah 94.5 peratus, manakala graduan daripada institusi TVET di bawah Majlis Amanah Rakyat (MARA) pula pada kadar 98.7 peratus dan bidang pertanian mencatatkan 80 peratus.

"Kerajaan tidak pernah meminggirkan sektor TVET pertanian... insya-Allah kita akan berikan tumpuan yang lebih supaya perkembangan bidang TVET berasaskan pertanian dan bukan pertanian dapat diperkasakan.

"Saya bersama MTVETN akan meneliti perkara ini supaya bakat seperti juruteknik dan jurutera pertanian dapat disantuni dan berikan keutamaan," katanya pada sesi Waktu Pertanyaan-Pertanyaan Menteri di Dewan Rakyat hari ini.

Beliau menjawab soalan tambahan Nurul Amin Hamid (PN-Padang Terap) berhubung hala tuju dan perancangan kerajaan untuk perkasakan TVET pertanian susulan bilangan graduan TVET pertanian yang dilahirkan setiap tahun hanya sebanyak 600 orang.

Sementara itu, Ahmad Zahid menegaskan sistem pengajian TVET adalah 'buta warna' kerana pengambilan masuk pelajar ke bidang itu tidak hanya tertumpu kepada golongan pelajar yang kurang menyerlah dalam akademik malah terbuka kepada mereka yang cemerlang akademik.

Beliau berkata dengan penyediaan ekosistem TVET termasuk kadar kebolehpasaran graduan dalam industri menjadikan bidang itu kini menjadi pilihan utama dalam kalangan pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

“Pendekatan KPM (Kementerian Pendidikan) dalam bidang STEM (Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik) berjaya, namun minat dalam kalangan pelajar agak kurang, jadi jawapannya adalah melalui TVET.

“Pada tahun 2023, lebih 10,000 calon SPM berdaftar dan tahun lepas, lebih 8,000 calon berdaftar tidak hadir menduduki SPM, justeru kita memberikan peluang kedua kepada mereka melalui TVET... kita tak mahu jadikan TVET sebagai pilihan kedua, sebaliknya yang pertama pelajar,” katanya.

Beliau menjawab soalan tambahan Lee Chuan How (PH-Ipoh Timor) berhubung dasar kerajaan bagi memastikan bidang TVET menjadi pilihan utama bagi golongan yang kurang menyerlah dalam akademik.

-- BERNAMA

BERNAMA

25 FEBRUARI 2025

BERNAMA ONLINE | POLITEKNIK PORT DICKSON DAN TUDM KERJASAMA PERKUKUH TVET DALAM PENYELIDIKAN DAN INOVASI

Politeknik Port Dickson Dan TUDM Kerjasama Perkukuh Tvet Dalam Penyelidikan Dan Inovasi

🕒 25/02/2025 04:54 PM



PORT DICKSON, 25 Feb (Bernama) -- Politeknik Port Dickson (PPD) dan Institut Kepimpinan dan Pengurusan Tentera Udara Malaysia (INSKEP TUDM) Sendayan bekerjasama memperkukuhkan hubungan antara institusi akademik dan pertahanan negara bagi pembangunan modal insan berkualiti.

Pengarah Politeknik Port Dickson Hasan Mohd Sharif berkata kerjasama itu signifikan dalam memperkasakan penyelidikan dan inovasi di peringkat nasional serta antarabangsa sekali gus memacu ekosistem Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) negara.

Beliau berkata satu perjanjian nota kerjasama (NoC) antara PPD dan INSKEP TUDM dimeterai antaranya bertujuan menghasilkan inovasi yang boleh diaplikasikan dalam industri serta komuniti bagi meningkatkan keberkesanan proses kerja.

"Selain itu, ia juga bertujuan menggalakkan perkongsian ilmu dan kepakaran antara PPD dan INSKEP serta memberi peluang pensyarah dan pelajar menerapkan kemahiran teknikal serta inovasi dalam persekitaran sebenar.

"PPD mempunyai lebih 35 peratus tenaga pengajar yang merupakan bekas pemain industri dalam pelbagai bidang seperti kejuruteraan, seni bina, perbankan, perakaunan, hospitaliti, grafik, perfileman, dan banyak lagi yang selari dengan hala tuju TVET," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Hasan berkata PPD juga memiliki pusat kecemerlangan iaitu Pusat Seni Bina dan Teknologi (CArT) dan Pusat bagi Elektrikal, Tenaga, Teknologi dan Perkhidmatan (CENTS) yang berperanan dalam pembangunan komuniti serta khidmat kepakaran kepada industri.

Sementara itu, Pegawai Memerintah INSKEP di Pangkalan Udara TUDM, Sendayan, Leftenan Kolonel Syaffiza Abdul Razak berkata menerusi kerjasama itu pihaknya akan membangunkan produk inovasi MatSenz (Mat Sensor) iaitu sistem pengesanan dan amaran kanak-kanak terperangkap di dalam kenderaan.

"Produk ini berpotensi menyelamatkan nyawa dan langkah penting dalam meningkatkan kesejahteraan masyarakat, ia dibangunkan secara bersama oleh PPD dan INSKEP," katanya.

Syaffiza berkata kerjasama ini diharapkan dapat diperluaskan menerusi pertukaran kepakaran, selain pelaksanaan program kemahiran semula dan peningkatan kemahiran yang memberi manfaat kepada pegawai serta anggota TUDM.

-- BERNAMA


BERNAMA

27 FEBRUARI 2025

BERNAMA ONLINE | JANGAN PINGGIR PELAJAR DI MAAHAD TAHFIZ TIDAK BERDAFTAR, TARIK MINAT CEBURI TVET

Jangan Pinggir Pelajar Di Maahad Tahfiz Tidak Berdaftar, Tarik Minat Ceburi TVET – Ahmad Zahid

🕒 27/02/2025 05:54 PM



Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi berucap pada Majlis Penyerahan Watikah Penyelaras Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional Peringkat Kawasan Parlimen hari ini.

KUALA LUMPUR, 27 Feb (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi menggesa pemangkin industri Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) tidak meminggirkan pelajar yang menuntut di maahad tahfiz tidak berdaftar, sebaliknya perlu menarik minat mereka menceburi bidang itu.

Ahmad Zahid yang juga Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah berkata hal ini supaya negara dapat melahirkan lebih ramai huffaz yang mempunyai kemahiran tertentu, sekali gus lebih menjamin masa depan mereka untuk memperoleh pekerjaan selepas menjalani program TVET.

"Kita bukan mahu mengambil alih maahad tahfiz itu tetapi kita hanya mahu memberi nilai tambah kepada mereka (pelajar di maahad tahfiz tidak berdaftar) agar pemikiran yang berada di peringkat kejumudan itu dapat kita rungaikan kerana mereka juga anak muda.

"Mereka juga adalah satu kumpulan sangat berpotensi untuk digilap bakat sebagai guna tenaga (dalam industri TVET)," katanya ketika berucap pada Majlis Penyerahan Watikah Pelantikan Penyelaras TVET Peringkat Parlimen di sini hari ini.

Ahmad Zahid yang juga Pengerusi Jawatankuasa Majlis TVET Negara berkata hal ini juga selaras dengan usaha beliau untuk memasukkan elemen TVET dalam sistem pendidikan di maahad tahfiz berdaftar di seluruh negara.

Beliau berkata terdapat 1,199 maahad atau institusi tahfiz seluruh negara yang berdaftar, manakala lebih 2,500 maahad tahfiz tidak berdaftar ketika ini.

Pada masa sama, Ahmad Zahid memohon semua negeri serta pihak yang terlibat untuk melaksanakan usaha yang sama seperti dilakukan Johor dan Melaka dalam memperkasakan industri TVET.

“Dua hari lepas, saya bersama Menteri Besar Johor (Datuk Onn Hafiz Ghazi) telah memulakan satu usaha untuk memberikan latihan (TVET) kepada anak-anak muda bagi memenuhi kehendak pasaran guna tenaga di negeri itu bersesuaian dengan keperluan Zon Ekonomi Khas Johor-Singapura.

“Melaka juga umpamanya menjadi pusat TVET bagi seluruh negara... kedua-dua negeri ini telah memulakannya, selain apa yang telah dilaksanakan di peringkat Persekutuan (memperkasakan industri TVET),” katanya.

Mengenai Majlis Penyerahan Watikah Pelantikan Penyelaras TVET Peringkat Parlimen, Ahmad Zahid berharap agar setiap individu yang dilantik menjalankan tanggungjawab mereka untuk menarik minat pelajar melanjutkan pendidikan tinggi di institusi TVET.

Beliau berkata ini bagi membantu kerajaan untuk mencapai sasaran 500,000 pelajar atau peserta TVET pada akhir tahun ini sekali gus untuk memenuhi keperluan industri berkenaan terutamanya terhadap tenaga mahir.

-- BERNAMA